



# KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

## KAUNTER LHDNM DIBUKA PADA HUJUNG MINGGU BULAN APRIL 2017

Bagi membantu pembayar cukai yang tidak mempunyai kemudahan Internet untuk menghantar Borang Nyata Cukai Pendapatan (Borang BE sahaja) menggunakan e-Filing, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memaklumkan bahawa kaunter perkhidmatan e-Filing di semua cawangan kami akan beroperasi pada hujung minggu iaitu **28 , 29 & 30 April 2017**.

Jadual waktu operasi kami adalah seperti berikut:

TARIKH	WAKTU OPERASI
*28.04.2017 / 29.04.2017 / 30.04.2017 (Jumaat / Sabtu / Ahad)	Cawangan Semenanjung 9.00 pagi - 5.00 petang
	Cawangan Sabah / Sarawak 8.00 pagi – 4.00 petang

\*Bagi negeri cuti hujung minggu pada hari jumaat.

Untuk makluman juga, tiga Pusat Bayaran LHDNM iaitu di Kuala Lumpur, Sabah dan juga Sarawak akan dibuka pada tarikh 29 – 30 April 2017 bagi memudahkan urusan pembayaran cukai pendapatan di Pusat Kaunter Bayaran tersebut.

Jadual waktu operasi Pusat Bayaran LHDNM adalah seperti berikut:

TARIKH	WAKTU OPERASI
29.04.2017 / 30.04.2017 (Sabtu / Ahad)	Pusat Bayaran Kuala Lumpur 9.00 pagi - 5.00 petang
	Pusat Bayaran Sabah / Sarawak 8.00 pagi – 4.00 petang

Oleh yang demikian, LHDNM menyeru pembayar cukai agar menggunakan kemudahan yang telah disediakan dan memastikan Borang Nyata Cukai Pendapatan mereka dikemukakan dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Sila layari portal rasmi LHDNM di [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my) untuk keterangan lanjut.

# # #

**SEKIAN, TERIMA KASIH**




---

Dikeluarkan oleh:

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif**  
**Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**  
 Hasil Care Line : 1-800-88-5436 (LHDN)  
 Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 27 April 2017.**